

**Parlimen Tempat Terbaik Untuk Bangkitkan Isu Dihadapi Sabah - Presiden LDP
Bernama
1 Ogos, 2012**

KOTA KINABALU, 1 Ogos (Bernama) -- Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) Datuk VK Liew menyatakan Parlimen merupakan tempat terbaik untuk membangkitkan isu-isu termasuk masalah yang dihadapi di Sabah, menyatakan "jika dilakukan secara efektif, banyak isu boleh diselesaikan".

Mengulas pembatalan pelantikan Datuk Seri Lajim Ukin sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkuat kuasa semalam dan tindakan Timbalan Presiden Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko) Datuk Seri Wilfred Bumburing keluar dari Barisan Nasional (BN), beliau berkata: "Sekarang, setelah apa yang dikatakan dan dilakukan, kita hanya perlu meneruskan perjuangan BN tanpa mereka.

"Saya kenal mereka kerana kami semua adalah anggota Parlimen dan seorang daripada mereka ialah rakan saya dalam pentadbiran persekutuan sebagai timbalan menteri dan mereka tahu bahawa Parliamen ialah tempat terbaik untuk menyuarakan sebarang masalah.

"Apapun, kita hanya boleh mendoakan yang terbaik buat mereka di tempat yang baharu dengan kumpulan baharu dan tuan yang baharu yang mempunyai rekod sanggup berjanji apa sahaja asalkan beliau dapat ke Putrajaya," katanya dalam kenyataan di sini Rabu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684932>

